

21 NOV 1996

Mahathir-Dialog

MAHATHIR SOKONG REALITI EKONOMI BARU

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya Asia dan Amerika membentuk satu usahasama bagi mewujudkan komanwel tunggal sedunia untuk menjadikan kurun ke-21 sebagai abad dunia.

Katanya kesan daripada realiti ekonomi baru itu akan merupakan sesuatu yang produktif untuk semua.

"Ia akan merupakan mekanisme sebenar yang mengubah pembentukan politik, strategik dan psikologi dunia secara keseluruhannya.

"Kita pastinya akan mempunyai sebuah dunia baru," kata Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya pada Dialog Pasifik Ketiga di Hotel Istana di sini.

Dialog dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Malaysia, Institut bagi Kajian Dasar Malaysia dan Pusat Dasar Asia Pasifik Amerika Syarikat .

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir berkata sebuah komanwel tunggal yang saling bergantung tidak mungkin terbentuk dalam era penjajahan kerana dunia terbahagi kepada blok-blok ekonomi eksklusif yang setiap satu berorientasikan ke arah pusat empayar kosmosnya.

"Bagaimanapun ia boleh dilakukan hari ini buat kali pertama dalam sejarah manusia," katanya.

Perdana Menteri berkata jika Asia dan Amerika boleh menjadi rakan usahasama dalam memajukan satu sama lain, mereka pastinya akan menjadi pemangkin bagi sebuah komanwel tunggal sedunia yang berkongsi kemakmuran.

Ini, katanya, tentunya akan menghasilkna satu kurun yang bukan "untuk orang Asia, atau Amerika dan bukan Eropah atau Afrika tetapi sebuah Abad Dunia." -- katanya.

"Mungkin ia idealistik. Tetapi manusia yang mengusahakan sesuatu idea harus mencapai sesuatu yang hampir dengannya," katanya.

Perdana Menteri berkata negara lain boleh turut serta dengan Asia dan Amerika dalam usahasama untuk mewujudkan perkongsian yang produktif dan sebuah dunia baru, "sebuah komanwel sedunia yang tidak pernah dilihat dunia, yang wajar mengisi harapan manusia dan wajar bagi abad ke-21."

Dr Mahathir mengulangi bahawa kurun yang akan datang bukanlah Abad untuk orang Asia tetapi sebuah kurun dunia apabila dunia mula memberikan keutamaan terhadap kepentingan yang semakin mengecil negara dan benua.

Beliau turut menggesa Barat memberikan Asia "sedikit timbangrasa, keadilan, masa dan ruang."

Sambil menggesa Barat supaya mengakui bahawa ancaman yang diberikan Asia cuma kecil, Dr Mahathir berkata sejak kebelakangan ini terdapat satu perjuangan bagi menyamaratakan persaingan.

Perdana Menteri mengutarakan satu soalan: "Apabila pertandingan itu ialah antara gergasi dengan yang kerdil, adakah satu padang permainan yang sama rata mencukupi bagi memastikan peluang menang bagi sikerdil."

"Tentunya kebanyakan ahli perniagaan Barat malah ahli politik bermain golf dan faham akan perlunya ada handikap," katanya.

Satu lagi perkara yang ditekankan oleh Perdana Menteri ialah perbadanan Amerika yang begitu banyak bakat dan kreativiti harus menuju ke Barat, ke Timur Jauh "melangkaui sempadan benua dan imaginasi mereka."

"Jadilah teman kami dalam perjalanan jauh kami menuju kemodernan. Bantulah kami membina satu Asia baru," katanya.

Sambil menegaskan bahawa Asia tidak lagi boleh berdiam diri menerima

segala kritikan dan penghinaan dengan membisu, Dr Mahathir berkata: "Kami di Asia akan terus meminta dan kami berhak untuk meminta sedikit kematangan dan kecanggihan di pihak mereka yang mahu menganalisis dan berdakwah..." --

BERNAMA

ES RON